

NOTA RUJUKAN ULUM HADITH

DISUSUN OLEH:

Us. Safuan bin Hassan

Us. Mukhammad Syamsul Huda bin Lahuri

TOPIK 1: PERBAHASAN UMUM ILMU HADITH

PENGENALAN TERHADAP ISTILAH HADITH:

1. Hadith

- Hadith pada Bahasa bermaksud sesuatu yang baru (Jadid), kata lawan bagi hadith ialah lama (Qadim).
- Hadith pada Istilah bermaksud apa yang disandarkan kepada baginda Rasulullah S.A.W dari segi percakapan, atau perbuatan, atau taqirir atau sifat fizikal, atau sifat akhlak, sirah sama ada sebelum atau selepas menjadi Rasul.

2. Khabar

- Khabar pada Bahasa bermaksud sesuatu berita yang disampaikan daripada seseorang kepada seseorang yang lain.
- Khabar pada Istilah bermaksud berita yang bersumberkan Baginda Rasulullah saw atau daripada Sahabat baginda ataupun daripada Tabi'in

3. Sunnah

- Sunnah pada Bahasa bermaksud perjalanan, haluan, peraturan, gaya dan tingkah laku dalam kehidupan.
- Sunnah pada sebahagian ahli Hadith berpendapat Sunnah dan Hadith mempunyai pengertian yang sama iaitu segala apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad baik aspek perkataan, perbuatan, taqirir atau sifat baginda Muhammad saw.

4. Athar

- Athar pada Bahasa bermaksud kesan atau bekas.
- Athar pada Istilah sebagaimana yang ditakrifkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani sebagai apa-apa yang diriwayatkan sama ada daripada sahabat atau tabi'in. manakala al-Imam Nawawi pula bahawa apa-apa yang diriwayatkan sama ada daripada Baginda Rasulullah atau sahabat.

PENGENALAN TERHADAP SAHABAT DAN TABI'IN

1. Sahabat

- Sahabat dari sudut Bahasa bermaksud berkawan, bergaul, ataupun Bersama-sama, sama ada lama atau sekejap.
- Manakala dari sudut Istilah yang dikemukakan oleh al-Bukhari ialah seorang islam yang bersahabat atau melihat Rasulullah saw dianggap sebagai sahabat-sahabatnya.

Selain itu, Ibn Hajar menyimpulkan bahawa sahabat ini orang yang berjumpa dengan Rasulullah saw dalam keadaan beriman kepadanya dan mati dalam beragama islam. Termasuk dengan orang yang berjumpa dengan Rasulullah ialah orang yang lama bergaul atau sekejap, orang yang meriwayat atau tidak, orang yang berperang atau sebaliknya, orang yang melihatnya walaupun sekali tidak bersama dengan Baginda dan juga orang yang tidak melihatnya kerana ada halangan seperti buta.

2. Tabi'in

- Menurut al-Khatib al-Baghdadi, Tabi'in ialah orang yang bersahabat dengan para sahabat. Ada juga yang mendefinisikannya sebagai orang yang berjumpa para sahabat walaupun tidak bersahabat lama dengan mereka.

PEMBAHAGIAN HADITH

1. Marfu'

Marfu' pada Bahasa bermaksud yang diangkat.

Marfu' pada Istilah bermaksud Hadith yang disandarkan kepada Rasulullah saw, sama ada dari ucapan, perbuatan, pengakuan atau sifat Baginda saw sebelum dibangkitkan menjadi Rasul atau selepasnya, sama ada rangkaian sanadnya bersambung atau terputus

2. Mauquf

Mauquf pada Bahasa bermaksud Berhenti.

Mauquf pada Istilah bermaksud Hadith yang disandarkan kepada sahabat, sama ada bentuk kata-kata atau perbuatan atau pengakuan mereka sama ada sanadnya bersambung atau terputus.

3. Maqtu'

Maqtu' pada Bahasa bermaksud hadith yang dipotong.

Maqtu' pada Istilah bermaksud Khabar yang disandarkan kepada Tabi'in atau Tabi al-Tabi'in dari sudut perkataan, pekerjaan, perbuatan atau pengakuan, sama ada sanadnya bersambung atau terputus.

HADITH MUTAWATIR DAN AHAD

1. Hadith Mutawatir:

Mutawatir pada Bahasa bermaksud berturut-turut.

Mutawatir pada Istilah Hadith yang diriwayatkan oleh sebilangan besar "ramai" periwayat pada setiap tingkatan dan tidak diterima akal dan adat yang mereka berkomplot memalsukan hadith berkenaan atau berdusta ke atas Rasulullah saw.

Syarat-syarat Hadith Mutawatir

1. Hadith itu hendaklah diriwayatkan oleh ramai perawi dari setiap rangkaian sanad dan tabaqat
2. Mempunyai keseimbangan perawi atau sanad dalam setiap peringkat yang diriwayatkan.
3. Mustahil sudut adat berlaku persepakatan untuk melakukan pemalsuan.
4. Cara penerimaan dan penyampaian melalui pancaindera seperti pendengaran. Oleh perawi menggunakan lafaz sami'na atau ra'aina.
5. Perawi menepati syarat hadith shahih
6. Kandungannya tidak bercanggah dengan nas alquran atau setaraf dengannya.

Contoh :

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلْيَنْبَوْا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja maka disediakan tempatnya di neraka”.

Riwayat al-Bukhari (107)

Hadith ini diriwayatkan lebih daripada 70 orang sahabat Nabi SAW.

2. Hadith Ahad

Hadith Ahad pada Bahasa bermaksud satu.

Hadith Ahad pada Istilah bermaksud Hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi atau dua atau lebih, namun begitu tidak memenuhi syarat mutawatir.

Bahagian Hadith Ahad :

○ Hadith Gharib

Hadith Gharib adalah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi Sahaja.

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ

(صلى الله عليه وسلم) يَقُولُ: « إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ،

فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: Daripada Amirul Mu'minin, Abi Hafis Umar bin Al Khattab RA, dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya kerana ingin mendapatkan (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada (keredhaan) Allah dan Rasul-Nya. Dan barangsiapa yang hijrahnya kerana menginginkan kehidupan yang layak di dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahinya maka hijrahnya (akan bernilai sebagaimana) yang dia niatkan.

Hadith ini diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab RA secara bersendirian daripada Rasulullah SAW dan tidak ada sahabat lain yang meriwayatkan hadith ini melainkan daripada Umar RA sahaja

○ **Hadith Aziz**

Hadith Aziz adalah hadith yang diriwayatkan oleh dua orang perawi.

Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim melalui jalur dua orang sahabat. Imam al-Bukhari telah meriwayatkan daripada jalur Abu Hurairah RA, manakala Imam Muslim meriwayatkan daripada jalur Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَاَلِدِهِ وَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: "Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga diriku lebih dikasihi olehnya daripada bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya". (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini telah diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA oleh Qatadah dan Abdul Aziz. Diriwayatkan pula daripada Qatadah oleh Syu'bah dan Sa'id. Manakala Ibn Ulayyah dan Abd Waith telah meriwayatkan daripada Abdul Aziz. Setelah itu, hadith ini diriwayatkan oleh perawi-perawi yang lain (Jemaah) seperti di dalam sanad yang dinyatakan oleh Syaikh (شيخان) di dalam kitab mereka.

○ **Hadith Masyhur**

Hadith Masyhur adalah hadith yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi atau lebih daripada itu.

Masyhur dalam kalangan ahli hadith, contohnya hadith daripada Anas RA, bahawa Rasulullah SAW:

قَتَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهْرًا بَعْدَ الرُّكُوعِ فِي صَلَاةِ الصُّبْحِ، يَدْعُو عَلَى رِغْلٍ وَذِكْوَانٍ

Maksudnya: “Rasulullah SAW pernah melakukan qunut selama satu bulan selepas dari ruku’ ketika solat Subuh, berdoa ke atas (kebinaan) Ri’al dan Zakwan”. [Riwayat Muslim]

Hukum beramal Hadith Ahad

1. Hadith Ahad kategori hadith paling banyak digunakan dalam masalah agama.
2. Penerimaan dan kehujahan hadith ahad bergantung kepada syarat membolehkan ia diterima, iaitu sebagai hadith maqbul.
3. Hadith ahad sahih riwayatnya wajib beramal dengannya, sama ada ia menyentuh berkenaan : Hukum, Akidah dan lainnya.

HADITH SHAHIH, HASAN DAN DHAIF

1. **Hadith Sahih** bermaksud hadith yang mempunyai sanad yang bersambung, diriwayatkan oleh perawi yang adil dan dhabit dan selamat daripada syaz dan juga kecacatan.

- **Syarat-Syarat Hadith Sahih**

1. Sanad yang bersambung.
2. Adil dan bimaruah.
3. Mempunyai *dhabit* yang sempurna.
4. Tidak syaz.
5. Tidak ada *'illah*.

- **Contoh :**

Daripada riwayat daripada Ibn Umar R.Anhuma di mana beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW biasa beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan.”

Riwayat al-Bukhari

2. **Hadith Hasan** bermaksud hadith yang diketahui sumbernya dan dikenali perawi-perawinya atau hadith yang bersambung sanadnya oleh perawi yang adil tetapi kurang tahap hafalannya serta terselamat daripada syaz dan juga *'illah* (kecacatan).

- **Pembahagian Hadith Hasan**

1. Hasan li Zatihi (الحسن لذاته)
2. Hasan li Ghairihi (الحسن لغيره)

- **Contoh**

Daripada Abi Umamah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ أَحَبَّ لِلَّهِ، وَأَبْعَضَ لِلَّهِ، وَأَعْطَى لِلَّهِ، وَمَنَعَ لِلَّهِ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ الْإِيمَانَ

Maksudnya: “Barangsiapa berkasih sayang kerana Allah, marah kerana Allah, memberi kerana Allah dan menghalang sesuatu kerana Allah, maka telah sempurna iman.” **(Riwayat Abu Daud)**

- Terdapat seorang tabi’I al-Qasim iaitu Abdulrahman al-Syami merupakan seorang perawi yang adil (tidak berdusta).
- Para ahli hadith membincangkan bahawa al-Qasim iaitu Abdulrahman al-Syami mengenai tahap hafalannya sehingga sebahagian ulama mendhaifkannya dan ada juga sebahagian yang lain mengthiqahkannya.
- Hadith ini adalah hadith Hasan kerana salah seorang perawi di dalam sanad hadith dipertikai dari sudut tahap hafalannya dalam meriwayatkan hadith.

3. Hadith Dhoif pada Bahasa adalah sifat musyabbahah dan lawan bagi kuat. Manakala Hadith dha’if pada Istilah ialah hadith yang tidak memenuhi syarat hadith sahih atau hadith hasan.

TOPIK 2: PERBAHASAN HADITH DHAIF

1. Pengertian

- Hadith Dhaif ialah hadith yang tidak mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan untuk hadith yang diterima.
- Hadith yang tidak memenuhi syarat hadith sahih atau hadith hasan.

2. Ciri-Ciri Hadith Dhaif

1. Sanad tidak bersambung.
2. Gugur syarat adil.
3. Gugur syarat dhobit.
4. Syaz.
5. Ada kecacatan.

3. Jenis- Jenis Hadith Dhaif

- a) **Hadith Munqati'** ialah hadith yang terputus di pertengahan sanadnya samada seorang perawi atau dua orang atau lebih dengan tidak berturut-turut.

Contoh :

عَنْ مُوسَى بْنِ عُقْبَةَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيٍّ، عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ، قَالَ : عَلَّمَنِي رَسُولُ
اللَّهِ هَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ فِي الْوُثْرِ... فَذَكَرَ حَدِيثَ دُعَاءِ الْقُنُوتِ

Maksud : Dari Musa bin Uqbah, dari Abdullah bin Ali, dari Al Hasan bin Ali, dia berkata; Rasulullah mengajarkan kepadaku beberapa kalimat di dalam solat witir (...) lalu menyebutkan hadith tentang doa qunut. Hadith diriwayatkan oleh nasa'i di dalam kitabnya as-Sunan.



Hadith di atas ini berstatus munqati' kerana sanadnya terputus disebabkan Abdullah bin Ali tidak pernah bertemu dan berjumpa dengan Al Hasan bin Ali

Hukum Hadith Munqati'

Para ulama bersepakat bahawa hadith munqati' ialah hadith dhaif. Hal ini kerana keadaan perawi yang digugurkan daripada sanad tidak diketahui.

- b) **Hadith Mursal** ialah hadith yang terputus sanadnya di bahagian akhir, iaitu selepas tabi'in. Tidak kira samada tabi'in besar atau tabi'in yang kekal.

Contoh :

عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ، عَنْ عَطَاءٍ : أَنَّ النَّبِيَّ إِذَا صَعِدَ الْمِنْبَرَ أَقْبَلَ بِوَجْهِهِ عَلَى النَّاسِ، فَقَالَ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Maksud : Dari Ibnu Juraij, dari Atha', bahawasanya Nabi SAW apabila naik ke mimbar beliau menghadapkan wajah beliau ke orang-orang lalu mengucap, "Assalamualaikum." Diriwayatkan Mushannaf Abd al-Razzaq.



Atha ialah Seorang Tabi'in, beliau mendengar dan mengambil hadith dari sejumlah sahabat akan tetapi bagi hadith ini terputus sanadnya pada peringkat sahabat.

Hukum Hadith Mursal

Hadith Mursal ialah hadith yang dhaif dan tidak boleh diterima sebagai hujah kerana hilangnya salah satu syarat penting penerimaan hadith iaitu sanad yang bersambung. Selain itu, kredibiliti perawi yang digugurkan daripada rantaian sanad tidak diketahui. Terdapat kebarangkalian bahawa perawi yang digugurkan daripada rantaian sanad bukan seorang sahabat dan dia ialah seorang perawi yang lemah.

- c) **Hadith Muallaq** adalah hadis yang gugur pada awal sanadnya seorang perawi atau lebih secara berturut-turut.

Contoh :

قَالَ مَالِكٌ، أَخْبَرَنِي زَيْدُ بْنُ أَسْلَمَ، أَنَّ عَطَاءَ بْنَ يَسَّارٍ أَخْبَرَهُ، أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِي

أَخْبَرَهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ إِذَا أَسْلَمَ الْعَبْدُ فَحَسَّنَ إِسْلَامَهُ

يُكَفِّرُ اللَّهُ عَنْهُ كُلَّ سَيِّئَةٍ كَانَ زَلَفَهَا، وَكَانَ بَعْدَ ذَلِكَ الْقِصَاصِ الْحَسَنَةِ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا

إِلَى سَبْعِ مِئَةِ ضِعْفٍ وَالسَّيِّئَةُ بِمِثْلِهَا، إِلَّا يَتَجَاوَزُ اللَّهُ عَنْهَا

Maksud : Telah berkata Malik, telah memberitahu kepada kami Zaid bin Aslam, bahwa ‘Atha’ bin Yasar memberitahu kepadanya. Bahawa Abi Sa’id Al Khudri memberitahu kepadanya, bahawasanya ia mendengar Rasulullah SAW bersabda; Apabila seseorang masuk Islam, dengan keislaman yang bagus maka Allah akan menghapuskan semua kejahatannya yang telah lalu. Setelah itu balasan terhadap suatu kebaikan sebanyak sepuluh kali sampai 700 kali ganda daripada kebaikan itu, dan balasan kejahatan sebanyak kejahatan itu sendiri, kecuali pelanggaran terhadap Allah.



Berdasarkan rantai perawi di atas bahwa Imam al-Bukhari tidak menyebutkan nama gurunya, tetapi Imam al-Bukhari meriwayatkan hadis dari Imam Malik melalui perantara beberapa perawi kerana Imam al-Bukhari tidak sempat berjumpa dengan Imam Malik.

Hukum Hadith Muallaq

Hadith Muallaq ialah hadith yang tertolak kerana kehilangan satu syarat penting penerimaan hadith iaitu rantaian yang bersambung. Perkara ini berlaku kerana pada sanad hadith Muallaq seorang perawi atau lebih telah digugurkan. Justeru tidak dapat diketahui bagaimana para perawi menerima hadith dan sejauh mana ketepatan dan ketelitian mereka dalam meriwayatkan hadith.

Hadith-hadith mu'allaq yang terdapat dalam kitab-kitab al-Bukhari dan Muslim boleh dibahagikan kepada dua bahagian:


1. Hadith-hadith mu'allaq yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari pada sebahagian tempat secara mausul, namun hadith itu telah disebut secara mu'allaq pada tempat yang lain untuk mengelakkan daripada kitab menjadi panjang.
2. Hadith-hadith yang disebutkan di dalam Sahih al-Bukhari hanya secara mu'allaq, tetapi Imam al-Bukhari telah menyebut hadith-hadith itu dengan menggunakan lafaz-lafaz yang menunjukkan kepastian dan kepercayaan. Perbuatan tersebut menunjukkan bahawa riwayat-riwayat tersebut adalah sahih.

d) **Hadith Matruk** ialah hadith yang terdapat pada sanadnya perawi yang ditohmah berdusta, atau banyak kesilapan atau banyak lupa atau banyak melakukan perkara fasiq.

Contoh :

جُوَيْرِ بْنِ سَعِيدٍ، عَنِ الضَّحَّاكِ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ النَّبِيِّ : عَلَيْكُمْ بِاصْطِنَاءِ
الْمَعْرُوفِ فَإِنَّهُ يَمْنَعُ مَصَارِعَ السَّوْءِ، وَعَلَيْكُمْ بِصَدَقَةِ السِّرِّ فَإِنَّهَا تُطْفِئُ غَضَبَ اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَّ

Maksud : Daripada Juwaibir bin Said daripada al-Dhahhak daripada Ibn Abbas daripada Rasulullah SAW bersabda: ‘Hendaklah kamu melakukan perkara kebaikan kerana dengannya mengelakkan daripada permusuhan yang buruk dan hendaklah kamu bersedekah secara diam kerana dengannya menghapuskan marah Allah.



Berdasarkan rantaian perawi di atas, Juwaibir bin Said merupakan perawi hadith matruk.

Hukum Hadith Matruk

Hadith Matruk adalah antara hadith yang ditolak dan tidak boleh diterima sebagai hujah.

- e) **Hadith Munkar** ialah sanad hadith yang diriwayatkan oleh perawi lemah (dhaif) bertentangan dengan riwayat perawi thiqah.

Contoh :

عَنْ حُبَيْبِ بْنِ حَبِيبٍ - أَخُو حَمْزَةَ بْنِ حَبِيبٍ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ، عَنِ الْعِزَّارِ بْنِ حُرَيْثٍ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ {مَنْ أَقَامَ الصَّلَاةَ، وَآتَى الزَّكَاةَ، وَحَجَّ الْبَيْتَ، وَصَامَ رَمَضَانَ، وَقَرَأَ الضَّيْفَ، دَخَلَ الْجَنَّةَ}

Maksud: Daripada Hubayyib bin Habib- saudara Hamzah bin Habib- daripada Abu Ishak daripada al-Aizar bin Huraith daripada Ibn Abbas berkata: Rasulullah bersabda: “Sesiapa yang menunaikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji, berpuasa Ramadhan, memuliakan tetamu akan masuk ke syurga.”



Hadith ini adalah munkar. Ini kerana, perawi lain yang thiqah (dipercayai) meriwayatkan hadith ini selain daripada Hubayyib melalui jalur atau jalan Ibn Abbas RA adalah mawquf. Ulama ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil menyifatkan Hubayyib seorang yang lemah dalam meriwayatkan hadith dan perkataan-perkataan yang seumpama dengannya.

4. Hukum Beramal Dengan Hadith Dhaif

Terdapat pendapat berkenaan dengan hukum beramal dengan hadith dhaif ini.

a) Pertama

Tidak boleh beramal dan dijadikan hujah dengan hadith dhaif dalam apa jua bidang agama.

b) Kedua

Mengharuskan untuk beramal dengan hadith dhaif dengan dua syarat iaitu;

- i) Dhaifnya tidak berat.
- ii) Hanya hadith itu sahaja yang membicarakan sesuatu bab.

c) Ketiga

Mengharuskan untuk beramal dengan hadith dhaif dalam bab kelebihan beramal sahaja dan tidak boleh pada bab berkaitan halal haram apabila lagi bab akidah. Ini adalah pendapat jumhur ulama dan para ulama telah menetapkan beberapa syarat untuk beramal dengannya. Antaranya :

- i) Hadith tersebut tidak terlalu lemah.
- ii) Hadith tersebut bersesuaian dengan dasar dan prinsip syariah.
- iii) Beramal dalam perkara-perkara yang melibatkan fadhail al-amal Sahaja.
- iv) Terdapat asal bagi amalan tersebut
- v) Hadith tersebut hendaklah diamalkan tanpa meyakini bahawa ia adalah sebuah hadith yang sahih dan pasti (thabit) bahkan ia diamalkan atas langkah berjaga-jaga.

TOPIK 3 : PERBAHASAN HADITH MAUDHU'

1. Pengertian

Menurut Imam al-Baiquniy, hadits mawdhu' atau palsu ini ialah hadits dusta yang direka atau dicipta dan ia disandarkan kepada Nabi SAW. Di samping itu, menurut Syeikh Sayyid Abd al-Majid al-Ghoury di dalam kitabnya menyatakan bahawa hadits palsu adalah: Hadith yang tidak datang daripada Nabi SAW sama ada ia berbentuk ucapan, perbuatan, taqrir dan ia disandarkan kepada Nabi SAW secara tersalah, sengaja, kejahilan dan juga muslihat. Kesimpulannya Hadith Maudhu ialah hadits yang direka dan disandarkan ke atas Nabi SAW atau selainnya dari segi percakapan atau perbuatan atau taqrir atau sifat secara palsu dan dusta.

2. Ciri-Ciri Hadis Palsu

- Pada Matan

- Teks hadits bercanggah dengan al-Quran, usul-usul dan kaedah-kaedah agama.
- Teks hadits bercanggah dengan teks hadits sahih yang lain.
- Teks hadits bercanggah ijma' para sahabat R.anhum.
- Bertentangan dengan naluri, penyaksian dan ilmu sains (penemuan ilmiah moden yang sahih dan tidak bertentangan dengan al-Quran, hadits dan sumber-sumber utama di dalam agama).
- Teks tersebut tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadits yang muktabar.
- Kelemahan pada susunan lafaz dan juga makna.
- Terkandung di dalam teks hadits perkara-perkara yang dilihat melampau yang mustahil bagi seorang Nabi SAW mengucapkan kata-kata tersebut.
- Terkandung di dalam teks hadits perkara-perkara bid'ah yang diada-adakan dan tidak mempunyai asal serta perawi tersebut termasuk di dalam orang yang menyeru kepadanya

- **Pada Sanad**

- Iqrar atau pengakuan daripada perawi tersebut bahawa dia telah mencipta hadith tersebut.
- Terbukti daripada pengakuannya bahawa dia telah berdusta. Contohnya seperti dia berkata, bahawa dia telah mendengar hadith ini daripada syeikh sekian di tempat sekian, sedangkan syeikh tersebut diketahui tidak pernah masuk atau sampai ke tempat tersebut.
- Perawi tersebut terkenal sebagai seorang pemalsu hadith Nabi SAW.

Hukum beramal dengan Hadith Maudhu'

Haram dijadikan sebagai hujah atau dalik syarak.

TOPIK 4: PENGENALAN TERHADAP KITAB RUJUKAN UTAMA DAN TOKOH HADITH

1. SAHIH BUKHARI

Riwayat Hidup al-Imam Bukhari

- Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Ju'fi, dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Syawal 194 Hijrah di Bukhara. Beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Bukhari yang dinisbahkan kepada tempat lahirnya Bukhara. Bapanya bernama Ismail. Beliau seorang ulama' Hadith yang mempelajari Hadith daripada ulama'-ulama' yang terkenal seperti Malik bin Anas, Hammad bin Zayd dan Ibn al-Mubarak. Al-Bukhari mula mempelajari Hadith ketika usia beliau mencapai 10 tahun dan menghafal beberapa banyak kitab ulama'-ulama' yang mayhur seperti Ibn al-Mubarak dan lain-lain lagi sewaktu berumur 16 tahun. Beliau bukan sahaja menghafal Hadith-hadith dan kitab-kitab para ulama' yang terdahulu, malah beliau mempelajari biografi semua periwayatan yang mengambil bahagian dalam periwayatan sesebuah Hadith, tarikh dan tempat lahir mereka, tarikh wafat dan sebagainya. Beliau telah mengembara ke merata tempat untuk mempelajari Hadith, seperti ke Hijaz, beliau tinggal di sana selama 6 tahun dan telah pergi musafir ke Baghdad sebanyak 8 kali.

Dalam soal kritikan terhadap para ulama' yang terdahulu, beliau telah menggunakan bahasa dan pendekatan yang lembut. Beliau sangat bermurah hati terhadap anak-anak muridnya. Al-Imam al-Bukhari sangat tekun dan komited dalam penulisan dan penyusunan kitab Hadithnya. Jurutulisnya, Muhammad bin Abu Hatim menceritakan bahawa al-Bukhari telah biasa bangun berbelas-bekas kali dalam satu malam untuk membuat tanda-tanda pada Hadith tertentu dan kemudian baru tidur. Beliau mempunyai ingatan yang sangat kuat sehinggalah dapat mengetahui sama ada sesuatu Hadith yang dibacakan kepadanya itu Sahih atau tidak isnad dan matannya. Al-Bukhari meninggal dunia pada hari Sabtu tahun 256 Hijrah. Antara karya-karyanya: Qadaya al-Salabah wa al-Tabi in , Dira' at Khalf al-mam ,Khala Afal al-Ibad, Al-Tafsir al-Kabir, Al-Musnad al-Kabir, Tarikh Saghir ,Tarikh Awsat, Tarikh Kabir, Al-Adab al-Mufrad, Sahih al-Bukhari

Tujuan Penulisan Sahih al-Bukhari

Sahih al-Bukhari ditulis dan disusun selama 16 tahun oleh al-Imam al-Bukhari dengan tujuan untuk mengumpul Hadith Sahih sahaja. Hasrat beliau untuk menyusun Hadith Sahih diperkuatkan lagi dengan cadangan gurunya Ishaq bin Rawa-hih yang berkata kepada murid-muridnya, "Alangkah baik jika kamu semua dapat mengumpulkan Kitab Hadith yang ringkas yang mengandungi Hadith Sahih." Al-Bukhari mula mengumpul dan menyusun Sahihnya selepas mendengar cadangan itu.

Bilangan Hadith yang terdapat di dalam Sahih al-Bukhari termasuk yang berulang ialah sebanyak 9082 Hadith, tetapi jika ditolak Hadith-hadith yang berulang akan hanya berjumlah 1,602 sahaja. Jumlah ini tidak termasuk Hadith mawquf kepada sahabat dan Hadith maqtu' kepada Tabi in.

Metod Penulisan

A-Imam al-Bukhari mula menyusun Sahihnya semasa beliau berada di Masjid al-Haram Makkah dan beliau akan mengambil air sembahyang dan sembahyang 2 rakaat terlebih dahulu sebelum memasukkan sesuatu Hadith dalam penulisannya. Penulisan Sahihnya mengambil masa 16 tahun dan Hadith-hadith yang terkandung di dalamnya berasal dari-pada 600,000 Hadith. Hadith-hadith yang telah siap disusun di dalam Sahihnya dikemukakan kepada al-Imam Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Mu'in dan 'Ali bin Madini untuk disah dan diakui susunan dan kesahihannya. Al-Bukhari membahagikan kitab Sahih-nya kepada 97 kitab dan dibawahnya terdapat tajuk-tajuk kecil yang dinamakan bab yang berjumlah 3450 bab. Di dalam sahih al-Bukhari terdapat pengulangan dari-pada sudut matan Hadith, tidak daripada sudut sanad dan periwayat-periwayatnya.

Kajian yang dilakukan oleh Ahli-ahli Hadith didapati al-Bukhari meletakkan syarat-syarat tertentu sebelum sesebuah Hadith itu diterima dan disusun dalam Sahihnya. Antara syarat-syarat itu ialah Hadith-hadith itu mesti diriwayatkan oleh para periwayat yang thiqah dan sanadnya bersambung-sambung daripada awal sanad hingga kepada sahabat yang meriwayatkan Hadith itu daripada Rasulullah s.a.W: Di samping itu, disyaratkan para periwayat itu hidup sezaman dengan guru-guru mereka dan telah sabit bertemu antara murid dan guru walaupun sekali.

Kedudukan dan Taraf Sahih

Hadith-hadith yang terkandung di dalam Sahih al-Bukhari dianggap oleh Ahli-ahli Hadith sebagai Sahih al-Bukhari dalam pengakuannya seperti yang dipetik oleh Ibn Hajar al-'Asqalani berkata, "Aku tidak meriwayatkan Hadith dalam kitabku ini kecuali Hadith Sahih." Dan seterusnya beliau berkata lagi "Aku tidak memasukkan Hadith ke dalamnya sehinggalah aku beristikharah kepada Allah dengan sembahyang dua rakaat dan aku yakin akan kesahihan Hadith-hadith itu." Oleh itu, kebanyakan Ahli Hadith menganggap Kitab Sahih ini sebagai Kitab Hadith yang paling sahih di antara kitab-kitab Hadith.

2. Sahih Muslim

Riwayat Hidup al-Imam Muslim

Abu Husayn Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi al-Naysaburi, dilahirkan pada tahun 204H. dan wafat pada tahun 261H di Naysaburi. Berdasarkan pola kehidupan masyarakat pada zaman al-Imam Muslim, diyakini beliau telah mempelajari al-Qur'an, sastra Arab dan tata bahasa Arab sebelum mula mempelajari Hadith. Beliau mula mempelajari Hadith pada tahun 218 Hijrah. Sewaktu berusia 15 tahun, Muslim mempelajari Hadith dengan melakukan rehlah atau pengembaraan dari satu tempat pengajian ke satu tempat pengajian yang lain. Ada pendapat yang mengatakan rehlahnya yang pertama bermula pada tahun 220 Hijrah iaitu pengembaraan ke Makkah untuk menunaikan Haji sambil belajar daripada beberapa ulama' seperti Qa'nabi dan lain-lain lagi. Ada juga yang berpendapat rehlahnya yang sebenar bermula pada tahun 230 Hijrah. Sejak tahun itu, beliau mengembara ke beberapa tempat seperti Iraq, Hijaz, Syria dan Mesir untuk mempelajari Hadith. Antara guru-guru al-Imam Muslim adalah Zuhair bin Harb, Said bin Mansur, 'Abd. bin Humaid, Duhaili, al-Bukhari, Ibn Abi Syaibah dan Ibn Main. Di antara penuntutnya yang mashur ialah al-Imam Tirmidhi, Ibn Abu Hatim, Ibn Khuzaimah dan lain-lain. Beliau adalah seorang saudagar yang kaya dan mempunyai peribadi yang baik sehinggakan Dhahabi menggelarnya Muhsin Naysabur. Antara Karya-karyanya ialah : Al-Asma' wa al-Kuna , Al-Agran, Awlad al-Sahabah, Awham al-Muhaddithin, Al-Tarikh, Al-Tamyiz, Al-Jami , Tabaqat, Al-Musnad al-Kabir, Al-Sahih al-Musnad.

Tujuan Penyusunan Sahih Muslim

Tujuan al-Imam Muslim menyusun sahihnya ialah sebagai reaksi kepada persoalan semasa yang berlaku pada zaman-nya. Pertama beliau mahu menyusun kitab yang mengandungi Hadith sahih sahaja yang menjadi rujukan ulama -ulama Islam untuk merumuskan hukum-hukum syara'. Walaupun telah ada Sahih al-Bukhari yang telah disusun mengikut bab, tetapi orang-orang yang tidak ahli di dalam bidang Hadith sukar untuk mencari sesuatu Hadith di dalamnya. Kedua, gerakan pemalsuan Hadith sangat meluas. Gerakan yang ditaja oleh Zindik, tukang cerita dan orang yang mengaku ahli tasawwuf tetapi jahil di dalam bidang agama, boleh me-mesongkan aqidah dan kepercayaan umat Islam.

Al-Imam Muslim mengambil masa selama 16 tahun untuk menyusun kitabnya dengan membuat kajian terhadap 300,000 Hadith yang dikumpul pada peringkat awal. Daripada jumlah ini, hanya sebanyak 7,275 Hadith sahaja yang dianggap sahih oleh Muslim dan Hadith yang tidak berulang sebanyak 4000 Hadith.

Kitab Sahihnya dibahagikan oleh Muslim kepada beber-apa tajuk yang dinamakan kitab yang berjumlah 54 kitab. Walaupun kitab Sahih Muslim disusun menurut tajuk-tajuk yang dinamakan kitab, tetapi beliau tidak membawa tajuk-tajuk bab seperti yang dilakukan oleh al-Bukhari. Ini adalah suatu perbezaan yang nyata di antara Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Al-Imam Muslim menyusun Hadith-hadith di dalam Sahih-nya dengan sanad yang berlainan pada satu tempat dan jika terdapat kelainan lafaz pada sesuatu riwayat, beliau akan menerangkan bahawa lafaz Hadith itu daripada periwayat itu dan dijelaskan dengan perkataan al-Lafz Lahu . Ini menunjukkan sifat ketelitian dan amanahnya beliau dalam meriwayatkan Hadith juga kelebihan pada sahihnya yang boleh memudahkan orang Islam membuat rujukan dan me-ngeluarkan hukum daripadanya. Di dalam menulis Sahihnya, beliau membuat satu penda-huluan (muqaddimah) yang menerangkan objektif penyusun-annya, menjelaskan bahawa hanya periwayat yang thigah sahaja sesuatu Hadith itu boleh diriwayatkan dan melarang meriwayatkan Hadith daripada periwayat yang dusta, juga menerangkan bahawa Hadith al-Mu'an'an boleh dijadikan Hujah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ahli-ahli Ha-dith, al-imam Muslim telah mensyaratkan bahawa Hadith yang diriwayatkan itu mestilah diriwayatkan oleh

para periwayat yang thiqah hingga sampai kepada peringkat saha-bat dan sanadnya pula hendaklah berhubung hingga sampai kepada sahabat yang menerima Hadith daripada Rasulullah s.a.w.

Al-Imam Muslim mengambil masa selama 16 tahun untuk menyusun kitabnya dengan membuat kajian terhadap 300,000 Hadith yang dikumpul pada peringkat awal. Daripada jumlah ini, hanya sebanyak 7,275 Hadith sahaja yang dianggap sahih oleh Muslim dan Hadith yang tidak berulang sebanyak 4000 Hadith.

Kitab Sahihnya dibahagikan oleh Muslim kepada beberapa tajuk yang dinamakan kitab yang berjumlah 54 kitab.

Walaupun kitab Sahih Muslim disusun menurut tajuk-tajuk yang dinamakan kitab, tetapi beliau tidak membawa tajuk-tajuk bab seperti yang dilakukan oleh al-Bukhari. Ini adalah suatu perbezaan yang nyata di antara Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Al-Imam Muslim menyusun Hadith-hadith di dalam Sahih-nya dengan sanad yang berlainan pada satu tempat dan jika terdapat kelainan lafaz pada sesuatu riwayat, beliau akan menerangkan bahawa lafaz Hadith itu daripada periwayat itu dan dijelaskan dengan perkataan al-Lafz Lahu. Ini menunjukkan sifat ketelitian dan amanahnya beliau dalam meriwayatkan Hadith juga kelebihan pada sahihnya yang boleh memudahkan orang Islam membuat rujukan dan mengeluarkan hukum daripadanya. Di dalam menulis Sahihnya, beliau membuat satu pendahuluan (muqaddimah) yang menerangkan objektif penyusun-annya, menjelaskan bahawa hanya periwayat yang thiqah sahaja sesuatu Hadith itu boleh diriwayatkan dan melarang meriwayatkan Hadith daripada periwayat yang dusta, juga menerangkan bahawa Hadith al-Mu'an'an boleh dijadikan Hujah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ahli-ahli Ha-dith, al-imam Muslim telah mensyaratkan bahawa Hadith yang diriwayatkan itu mestilah diriwayatkan oleh para periwayat yang thiqah hingga sampai kepada peringkat sahabat dan sanadnya pula hendaklah berhubung hingga sampai kepada sahabat yang menerima Hadith daripada Rasulullah s.a.w.

3. Jami' Tarmizi

Riwayat Hidup Imam al-Tirmidhi

Nama beliau ialah Muhammad bin 'Isa bin Saura bin Musa bin al-Dahhak al-Tirmiahi. Dilahirkan di Tirmich pada tahun 209 Hijrah dan wafat pada 13 Rejab tahun 279 Hijrah di tempat yang sama. Beliau dikenali dengan nama Abu 'Isa al-Tirmidhi yang dinisbahkan kepada tempat kelahirannya. Dika-takan beliau mula mengembara untuk mempelajari Hadith pada tahun 235 Hijrah dan kembali ke tempat kelahirannya sebelum tahun 250 Hijrah. Selepas tarikh ini, beliau mula menyusun kitab Hadithnya yang banyak dipengaruhi oleh penulisan al-Bukhari. Antara karya-karya beliau ialah: Al-Jami' al-Mukhtasar min al-Sunan 'An Rasulillah, Tawarikh, Al-Ilal, Al-Ilal al-Kabir, Syama'il, Asma' al-Sahabah, Al-Asma' wa al-Kuna, Al-Athar al-Mawqufah, al-Jami atau al-Sunan al-Tirmidhi.

Tujuan Penyusunan Sunan al-Tirmidhi

Kitab Sunan al-Tirmidhi adalah salah sebuah kitab Hadith yang enam. Al-Imam Muslim menyusun Sunannya kerana beberapa tujuan iaitu:

1. Untuk mengumpul dan menyusun Hadith-hadith Nabi s.a.w. secara sistematik.
2. Untuk mengemukakan Hadith-hadith yang diamalkan oleh para ulama' Fiqh dan dasar-dasar dan pendapat-pendapat para ulama' itu dalam membuat hukum.
3. Untuk membincangkan ciri-ciri dan kedudukan sesuatu Hadith sama ada boleh dijadikan hujah atau tidak. Hal ini dibincangkan dari sudut kecatatan 'illah, lemah dan kekurangan sesuatu Hadith.

Metod Penulisan

Imam al-Tirmidhi telah menyusun Sunannya mengikut pem-bahagian dalam ilmu Fiqh. Sunannya ini dibahagikan kepada 46 bab (kitab) yang mengandungi 3,956 Hadith kesemuanya.

Kitab yang siap disusun pada 10 Zulhijjah tahun 270 Hijrah ini mempunyai beberapa ciri keistimewaan yang tidak terdapat di dalam kitab Hadith yang lain, iaitu:

1. Kitab ini mengandungi berbagai-bagai jenis Hadith iaitu tentang Siyar (Undang-undang Antarabangsa), Adad, tafsir, 'Aqidah, Fitan, Ahkam (Undang-undang), al-

Asyraf dan Mana-qib (Biografi-biografi Nabi dan sahabat-sahabat tertentu). Oleh kerana Sunan ini mengandungi semua bab tersebut, maka ia dinamakan juga Jami (cob).

2. Al-Imam al-Tirmidhi meletakkan tajuk sesuatu bab berdasarkan satu atau dua hadith yang berkaitan dengan tajuk bab berkenaan. Hadith yang diriwayatkan dalam bab tersebut disebutkan nama-nama periwayatnya daripada kalangan sahabat sama ada mereka meriwayatkan Hadith dengan meluas atau menyalahi apa yang telah diriwayatkan.

3. Beliau menerangkan perbezaan pendapat para ulama' Fiqh dalam beberapa masalah hukum syara'.

4. Beliau menerangkan kedudukan dan taraf Hadith sama ada Sahih, Hasan dan da'if

Syarat penerimaan Hadith oleh al-Imam al-Tirmidhi adalah amat luas iaitu beliau meriwayatkan Hadith-hadith yang diamalkan oleh para fuqaha tanpa melihat sama ada Hadith itu sanadnya sahih atau tidak sahih.

Kedudukan dan Taraf Sunan Al-Tirmidhi

Sunan al-Tirmidhi yang mengandungi Hadith, Hadith Hukum, adab, tafsir dan managib boleh diklasifikasikan kepada empat jenis Hadith iaitu:

1. Hadith Sahih yang tinggi nilai kesahihannya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-imam al-Bukhari dan al-imam Muslim.

2. Hadith Sahih yang kurang nilai kesahihannya. Hadith ini menurut syarat al-Imam Abu Daud dan al-Imam al-Nasa'i.

3. Hadith yang menjadi dalil oleh para Fugaha dalam masalah yang terdapat khilaf. Dalam kes ini, al-Tirmidhi mengemukakan Hadith yang menjadi pegangan mazhab yang rajih dan juga mendatangkan hadith yang menjadi dalil mazhab yang tidak rajih. Al-Imam al-Timidhi kemudiannya membuat penilaian tentang Hadith itu dan menerangkan sebab-sebab kecacatannya (illah).

Hadith-hadith yang diamalkan oleh para fuqaha' sama ada hadith itu sahih atau sebaliknya.

Oleh itu berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ahli-ahli hadith, didapati Hadith-hadith di dalam Sunan al-Tirmidhi terdiri daripada Hadith Sahih, Hadith Hasan dan Hadith Da'if yang diamalkan oleh Fuqaha'. Di samping itu, kitab ini juga mengandungi

beberapa istilah pengajian hadith yang belum digunakan oleh Ahli-ahli Hadith sebelumnya seperti Hadith Hasan, Hadith Gharib, Hasan Sahih dan Hasan Sahih gharib

4. Sunan Abu Daud

Riwayat Hidup Imam Abu Daud

Nama beliau ialah Sulaiman bin al-Asy'at al-Azdi al-Sajistani. Beliau dilahirkan pada tahun 202 Hijrah dan wafat pada hari Jumaat, 15 Syawal tahun 275 hijrah di Basrah. Beliau lebih dikenali dengan Abu Daud.

Pada zaman awal mudanya, beliau telah mempelajari al-Qur'an, sastera Arab dan lain-lain pelajaran yang menjadi kelaziman pada waktu itu sebelum memulakan mempelajari Hadith. Beliau mempelajari hadith dengan melakukan pengembaraan ke merata tempat seperti ke Khurasan, Ray, Harat, Kufah, Baghdad, Tarsus, Damsyik, Mesir dan Basrah. Pengembaraan itu beliau mulakan sewaktu berumur 20 tahun.

Ahli-ahli Hadith sepakat mengakui kewibawaan Abu Daud. Beliau adalah seorang yang boleh dipercayai, jujur dan tepat dalam periwayatan Hadith. Beliau bukan sahaja seorang periwayat Hadith, pengumpul dan penyusun Hadith yang baik, tetapi juga seorang ahli hukum dan pengkritik hadith yang baik. Dalam melakukan kritikan, kadang-kadang beliau memeriksa tulisan, kertas dan dakwat yang digunakan oleh seseorang periwayat untuk menyingkap usia penulisannya. Antara karya-karya Abu Dawud, Kitab al-Qadr, Fada'il al-Ansar, Musnad Malik, Al-Dua'a', Ibtida' al-Wahy, Akhbar arKhawari, A'lam al-Nubunwah, Sunan.

Metode penulisan Sunan Abu Daud

Al-Imam Abu Daud menyusun sunannya selama 20 tahun. Di dalam sunannya terdapat sebanyak 4800 Hadith yang di-saring daripada 500,000 Hadith yang dikumpul pada peringkat awal. Beliau menyusun sunannya menurut pembahagian ilmu fiqh dan membahagikan kitabnya kepada 40 kitab.

Setiap tajuk kitab terdapat pecahan lain yang dinamakan bab yang berjumlah 1871 bab. Pada kebiasaannya setiap bab mempunyai satu atau dua Hadith, melainkan jika terdapat banyak Hadith sahih dalam bab itu, maka Abu Daud memasukkan Hadith lebih daripada biasa. Dalam hal ini Abu Daud menulis kepada ulama' Makkah, kata beliau: "Saya mencatatkan lebih daripada satu atau dua hadith dalam setiap bab walaupun terdapat Hadith Sahih yang lain mengenai perkara yang sama, kerana ia akan menjadi terlalu banyak. Saya harap biarlah satu asalkan boleh digunakan dengan mudah."

Abu Daud juga menjelaskan kedudukan sesuatu hadits yang terdapat di dalam kitabnya. Umpamanya Hadith da'if, Hadith Munkar, Hadith Mu'addal, Haza al-Hadith Laysa bi muttasil. Beliau juga menerangkan kedudukan periwayat seperti Laysa huwa bi qawi, Thiqah, Waham dan Majhul.

Berkenaan dengan syarat penerimaan Hadith Abu Daud berkata: " Apa yang terdapat dalam kitabku daripada Hadith yang terlalu da'if, saya terangkan kedudukan Hadith itu dan mana-mana Hadith yang tidak saya terangkan kedudukannya, maka hadith itu dihukum sah.

Hadith Sahih itu sebahagiannya lebih sahih daripada yang lain. Menurut Ibn. Salah, yang dimaksudkan dengan Hadith Sahih ialah Hadith Hasan. Dari keterangan di atas dapatlah difahamkan bahawa Sunan Abu Daud mengandungi Hadith Sahih, Hadith hasan dan Hadith dai'if.

Abu Dawud sendiri menunjukkan beberapa banyak Hadith Da'if dan ada Hadith yang tidak dinyatakan olehnya lemah, tetapi dianggap lemah oleh ulama'-ulama' lain. Abu Daud mencatatkan Hadith yang da'if (tidak terlalu da'if) dengan berhujah bahawa adalah lebih baik bagi seseorang penuntut yang mendapat 50% markah daripada peribadinya para ulama' sendiri. Dan dengan ini juga beliau menggantikan pendapat-pendapat hukum oleh ulama' yang terdahulu

5. Sunan Nasaie

Riwayat Hidup Imam Abu Daud

Nama beliau ialah Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ib bin 'Ali bin Sinan bin Bahr al-Khurasani I-Nasa'i. Ahmad bin Syu'ib terkenal dengan gelaran al-Nasa'i, sempena nama tempat beliau dilahirkan. Dilahirkan pada tahun 215H di Nasa', se-buah bandar yang terletak di Khurasan dan wafat pada tahun 303 Hijrah di Palestin. Ada juga yang berpendapat beliau wafat di Mesir. Beliau banyak mengembara daripada satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mempelajari hadith pengem-barannya bermula ketika beliau berusia 15 tahun. Tempat-tempat yang dikunjunginya dalam usaha mempelajari Hadith ialah Iraq, Syria, mesir, al-jazirah dan tempat lain.

Beliau dianggap sebagai seorang tokoh besar dan peng-kritik dalam bidang hadith, hingakan ada yang menganggap kedudukannya lebih tinggi daripada al-Imam Muslim.

Beliau sangat teliti memilih bahan dalam menyusun sunannya walaupun bahan itu mustahak seperti mana beliau tidak menggunakan naskhah yang ditulis oleh Ibn

Lahī'ah yang telah dicap sebagai periwayat yang lemah. AHmam al-Nasa'i amat tepat dalam pencatatannya. Antara gurunya ialah al-Harith bin Miskin. Ketika mencatat Hadith-hadith al-Nasa'i, pada kebiasaannya menulis: "Saya belajar hadith ini semasa dibacakan kepada al-Harith bin Miskin." Antara Karya karya al-Nasa'i ialah Al-Sunan al-Kubra, Kitab al-Duafa' , Khasa'is 'Ali, Musnad 'Ali, Musnad Malik, Al-Sunan al-Mutabar.

Penyusunan Sunan al-Nasa'i

Sunan al-Nasa'i atau dikenali juga dengan sunan al-Mujtabar adalah karya yang paling mayhur susunan al-Nasa'i yang merupakan himpunan Hadith pilihan daripada al-Sunan al-Kubra yang disusun pada peringkat permulaan al-Nasali menyusun karya agungnya, al-Sunan al-Kubra sebagai hadiah kepada Amir al-Ramlah. Oleh kerana Hadith-hadith yang terdapat di dalam al-Sunan al-Kubra tidak semuanya Hadith Sahih, maka Amir al-Ramlah memerintahkan al-Imam al-Nasa'i kitab yang hanya mengandungi Hadith-hadith sahih. Oleh itu al-Imam al-Nasa'i menyusun sunan al-Mutabar yang lebih dikenali dengan sunan al-Nasa'i.

Metode penulisan

Al-Imam al-Nasa'i menulis dan menyusun sunannya menurut tajuk ilmu Fiqh. Beliau membahagikan kitabnya kepada 51 kitab dan dibawahnya terdapat pecahan kecil yang dinamakan bab.

Syarat penerimaan oleh al-Imam al-nasa' ialah Hadith-Hadith itu mestilah diriwayatkan daripada periwayat berdasar-kan ijma (٢١١) para fugaha'. Dalam mencatat Hadith al-Imam al-Nasa'i mencatat isnad-isnad yang berlainan bagi sesuatu Hadith, dan kemudian menerangkan mana yang betul di antara isnad-isnad itu. Isnad yang tidak betul diterangkan punca-punca kecacatan-nya. Ini menunjukkan al-Imam al-Nasa'i selain mencatat Hadith-hadith yang sahih, mencatat juga Hadith-hadith yang Sahih, mencatat juga Hadith-hadith yang da if untuk menun-jukkan kecacatannya Kedudukan dan taraf sunan al-Nasa'i

Ahli-ahli Hadith menyimpulkan bahawa Hadith-hadith yang terdapat dalam Sunan al-Nasa'i adalah Hadith Sahih, dan terdapat sedikit sahaja Hadith daif yang telah dijelaskan sebab-sebab kecacatannya. Oleh itu, selepas sahih al-Bukhari @ dan sahih Muslim, kitab Hadith yang paling sedikit mengan-dungi Hadith daif ialah Sunan al-Nasali, dan kemudian diikuti oleh sunan Abu Daud, Sunan al-Timidhi dan Sunan Ibn. Majah..

6. Sunan Ibnu Majah

Riwayat Hidup Imam Ibn Majah

Nama penuhnya ialah Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid bin Majjah al-Raba'i al-Qazwini. Beliau lebih terkenal dengan panggilan Ibn Majah. Ibn Majah dilahirkan pada tahun 209. Hijrah dan wafat pada hari Isnin, 21 Ramadan tahun 273 Hijrah. Ada juga pendapat yang mengatakan beliau wafat pada tahun 275 Hijrah. Dikatakan beliau mula mempelajari Hadith ketika berumur 15 atau 20 tahun. Gurunya yang mula-mula sekali ialah 'Ali bin Muhammad al-Tanafasi (w. 233H.). Beliau telah mengembara dari satu tempat ke satu tempat untuk mempelajari Hadith. Antara tempat yang dikunjungi ialah Khurasan, Iraq, Hijaz, Syria dan Mesir.

Penyusunan Sunan Ibn Majah

Menurut kajian Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, Sunan Ibn Majah mengandungi 4341 Hadith dan daripadanya sebanyak 3002 Hadith telahpun dicatat oleh pengarang-pengarang lima buah kitab yang lain iaitu al-imam al-Bukhari, al-Imam Muslim, al-mam al-Nasa'i, al-Imam Abu Daud dan al-Imam al-Tirmidhi. Bakinya iaitu 1339 Hadith dicatat oleh Ibn Majah secara bersendirian boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

- 1: 428 Hadith adalah Hadith Sahih kerana sanadnya thiqah
2. 199 Hadith adalah Hadith Hasan kerana sanadnya Hasan.
3. 613 Hadith adalah Hadith da'if kerana sanadnya lemah (da'if)
4. 99 Hadith adalah Hadith Munkar dan Makzub kerana sanadnya terlalu da'if, munkar dan dusta.

Ibn Majah menyusun sunannya menurut pembahagian ilmu fiqh seperti lain-lain kitab Sunan. Beliau membahagikan kitab sunannya kepada 37 kitab (buah) dan di bawahnya terdapat pecahan kecil sebanyak 1500 bab.

Dalam menyusun sunannya, Ibn Majah tidak menyebutkan kriteria dalam memilih bahan-bahan kitab Sunannya. Juga tidak disebutkan tujuan beliau menyusun kitab sunan-nya. Selain itu, beliau juga tidak menyatakan yang mana setakat Hadith-hadith yang disusunnya itu da'if, munkar dan palsu. Beliau hanya mengambil sikap mendiamkan diri. Sunan Ibn Majah berbeza dengan kitab-kitab Sunan yang lain kerana ia mempunyai pendahuluan yang panjang, mengandungi 24 bab dan 266 hadith. Dalam

pendahuluannya, Ibn Majah menyatakan tentang wajib berhujah dengan sunnah, mengemukakan Hadith-hadith yang berkaitan dengan dosa orang yang tidak mahu berhujah dengan Sunnah, persoalan keimanan, kelebihan mempelajari al-Qur'an dan ilmu pengetahuan, kelebihan ulama' dan kelebihan para sahabat.

Perbezaan lain ialah kitab sunan ini mempunyai sangat sedikit hadith yang berulang dan seperti diakui oleh ramai ulama', kitab ini sangat baik dan sistematik daripada sudut susunan bab dan bab-bab kecil.

Kedudukan dan Taraf Sunan Ibn Majah

Sunan Ibn Majah berada pada peringkat yang keenam daripada lain-lain kitab Hadith yang tergolong dalam 'Enam Buah Kitab Sahih'. Ini adalah kerana berdasarkan kajian Ahli-ahli Hadith, kitab sunan ini mengandungi banyak Hadith, daif dan munkar dan dusta yang telah dinyatakan oleh Ibn Majah.

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani, Sunan Ibn Majah mengandungi Hadith Munkar. Al-Dhahagi dalam penulisannya berpendapat bahawa sunan Ibn Majah merupakan kitab Hadith yang baik sekiranya tidak terdapat Hadith daif. Sebenarnya Sunan Abu Daud, Sunan al-Nasai dan Sunan al-Tirmidhi juga mengandungi Hadith-hadith daif tetapi telah diterangkan kedudukannya. Oleh itu, sesiapa yang hendak berhujah dengan Hadith-hadith yang terdapat di dalamnya hendaklah memastikan kesahihannya dengan merujuk dan meneliti hasil kajian dan komentar yang dibuat oleh Ahli-ahli Hadith.

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa Sunan Ibn Majah disusun mengikut tajuk Ilmu fiqh dan mengandungi Hadith sahih, Hadith Hasan dan Hadith daif yang tidak diterangkan kedudukan kedaifannya.

7. MUWATTA'

Riwayat Hidup Imam Malik

Beliau adalah Malik bin Anas bin Malik bin Abu 'Amir bin Amru al-Harith bin Ghayman bin Khathil bin 'Amru bin al-Harith. Beliau adalah Abu 'Abd Allah al-Madani Imam Dar al-Hijrah. Berketurunan daripada Bani Taym bin Murrah daripada Quraysh. Imam Malik dilahirkan pada tahun 93H menurut pendapat yang lebih sahih.

METODE IMAM MALIK DALAM BUKUNYA AL-MUWATTA

Al-Muwatta merupakan karya pertama yang dihasilkan dalam bidang fiqh dan hadith. Pada waktu itu para ulama lebih banyak menumpukan kepada hafazan daripada tulisan.

Pendorong utama kepada penulisan pada zaman Imam Malik ialah disebabkan munculnya banyak mazhab, golongan yang menuruti hawa nafsu dan pemalsu hadith. Kelebihan kitab Muwatta:

1. Merupakan hasil karya imam ahli fiqh, ahli hadith, mujtahid yang diikuti.
2. Mendapat sambutan dan pujian ulama.
3. Termasuk karya terawal yang dihasilkan pada pertengahan abad kedua hijriyah.

LATAR BELAKANG PENULISAN AL-MUWATTA':

Ibn Khaldun dalam Tarikhnya (Ibn Khaldun: j. 1,17-18) berkata:

Abu Ja'far al-Mansur mengerjakan haji dan berjumpa dengan Imam Malik di Madinah lalu beliau memuliakannya dan bertanyakan pendapatnya. Antara soalnya dia bertanya: Wahai Abu Abd Allah, tiada di atas permukaan bumi ini yang lebih alim daripada aku dan engkau. Aku telah disibukkan oleh urusan pemerintahan, maka tuliskan bagi umat Islam kitab yang dapat memberi manfaat kepada mereka agar menghindari kelonggaran (rukhsah) Ibn Abbas dan kekerasan (tasydid) Ibn 'Umar dan agar mereka dapat melaluinya selangkah demi selangkah.

TARIKH PENULISAN AL-MUWATTA:

Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah menyebutkan bahawa Imam Malik menulis al-Muwatta' bertahun-tahun lamanya sehingga dikatakan ia memakan masa selama 40 tahun atau kurang 40 tahun.

PENAMAAN KITAB DENGAN AL-MUWATTA:

Abu al-Hasan bin Fihri menukilkan daripada Malik dengan katanya:

Aku telah membentangkan kitabku kepada 70 orang fuqaha daripada fuqaha Madinah, maka semuanya bersetuju denganku tentang kitab tersebut maka aku menamakannya al-Muwatta.

Kata Ibn Fihri: tiada seorang pun yang mendahului Malik dengan penamaan ini kerana pada zamannya ulama menghasilkan karya dengan menamakannya al-Jami dan sesetengahnya menamakannya al-Musannaf, sesetengah lagi dengan nama al-Mu'allaf.

ISI KANDUNGANNYA:

Kitab Al-Muwatta disusun mengikut susunan bab sebagaimana bab, bab fiqh yang mayhur. Bab-babnya mengandungi hadith-hadith, sunnah atau athar yang membincangkan masalah-masalah fiqh. Ia juga mengandungi fatwa-fatwa sahabat dan

fatwa para tabi'in. Di samping itu ia juga mengandung fatwa imam Malik dalam masalah-masalah yang ditanyakan kepadanya, pendapatnya mengenai kefahaman hadith dan komentarnya mengenai kandungan hadith.

Berikut adalah ringkasan isi kandungan al-Muwatta:

1. Hadith-hadith yang diriwayatkan daripada Nabi s.a. w. dengan sanad yang bersambung.
2. Hadith-hadith yang diriwayatkan dengan sanad yang mursal.
3. Hadith-hadith yang diriwayatkan dengan sanad yang gugur seorang perawinya
4. Hadith-hadith mawquf yang sanadnya terenti sehingga para sahabat.
5. Hadith-hadith al-Balaghat, iaitu perkataan Imam Malik: Telah sampai kepadaku bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda:...
6. Perkataan fuqaha tabi in.
7. Apa yang beliau istinbatkan daripada fiqh yang mempunyai sandaran amanya atau giyas atau kaedah syariat.

JUMLAH HADITH-HADITH AL-MUWATTA:

Ulama berselisih pendapat mengenai jumlah hadith-hadith al-Muwatta. Maklumat yang dinukilkan daripada Sulayman bin Bilal menjelaskan: Malik telah menulis al-Muwatta dan di dalamnya ada empat ribu hadith atau lebih. Kemudian beliau meninggal dunia dan didapati kitabnya hanya mengandungi lebih dari seribu hadith. Dalam hal ini ulama menjelaskan bahawa Imam Malik telah meringkaskan kitabnya tiap-tiap tahun dengan mengambil kira maklumat-maklumat yang dapat memberikan manfaat kepada umat Islam dalam urusan agama mereka.

Abu Bakr al-Abhuri menjelaskan: Jumlah athar daripada Nabi s.a.w., sahabat dan tabi'in yang terdapat dalam al-Muwatta' ialah 1720 (seribu tujuh ratus dua puluh) hadith. 600 hadith merupakan hadith bersanad, 222 hadith Mursal, 613 hadith Mawquf, dan 285 merupakan perkataan tabi in.

Ibn Hazm menyatakan: Aku telah mengira hadith yang terdapat dalam al-Muwatta maka aku dapati di dalamnya terdapat lebih 500 hadith, lebih 300 hadith mursal, dan lebih 70 hadith di dalamnya tidak diamalkan oleh Imam Malik.

8. MUSNAD AHMAD

Riwayat Hidup Imam Ahmad

Ahmad Ibn Hanbal (164-241H) merupakan ilmuan terulung dalam bidang hadith dan fikah dan kitab Musnad yang telah dihasilkan olehnya merupakan musnad yang

terbesar pernah dihasilkan oleh ulama. Ulama besar ini dilahirkan di Baghdad pada 164 Hijrah. Ada riwayat yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan di Marwu dan dibawa oleh ibunya dalam keadaan masih menyusui ke Baghdad. Memetik kata-kata anaknya 'Abd Allah "Aku mendengar bapaku berkata: Aku dilahirkan pada bulan Rabiul Awwal, tahun 164 Hijrah."

Kewafatan Imam Ahmad telah meninggal dunia pada hari Jumaat, Rabiul Awwal 241 Hijrah. Jenazah beliau disembahyangkan oleh jemaah solat Jumaat pada hari itu yang jumlahnya mencapai puluhan ribu orang.

PENGENALAN

Kitab Musnad Ahmad ini telah dianggap sebagai karya awalan hadith yang paling besar, paling banyak memberi manfaat serta tinggi nilai dan faedahnya. Bilangan hadith yang termuat di dalam kitab ini adalah diantara 30,000 sehingga 40,000 buah dan terisi di dalam 14 jilid. Ia merupakan sebuah karya agung yang banyak memuatkan asas-asas agama Islam di dalamnya. Sebanyak lebih daripada 300 buah hadith daripadanya adalah daripada kategori sanad yang thulathiyat. Kitab Musnad Ahmad ini diisi oleh sejumlah hadith yang sangat besar, iaitu hampir kepada 40,000 buah dan ia meliputi suhuf-suhuf hadith yang ada pada masa itu dan juga Musnad-Musnad lain sebelumnya, antaranya adalah Sahifah Hamam bin Munabbih atau lebih dikenali sebagai al-Sahifah al-Sahihah.

DORONGAN PENULISAN

Tujuan utama Imam Ahmad menyusun kitabnya ini adalah kerana kebimbangannya hadith-hadith Nabi ini akan lenyap dengan kematian para huffaz serta mengambil manfaat yang maksimum daripadanya dari segi kelebihan amal. Beliau pernah menyatakan kepada anaknya 'Abd Allah: "Aku mengharapkan kitab ini akan menjadi penyelesai dan pendamai jika wujud pertelingkahan tentang sunnah Nabi di kalangan umat manusia nanti." Harapan beliau agar dapat memberi sumbangan kepada masyarakat melalui kitabnya ini adalah jelas. Ini dapat dilihat daripada pesanannya kepada anaknya 'Abd Allah: "Jagalah baik-baik Musnad ini kerana ia akan menjadi imam dan petunjuk kepada manusia." Demi untuk menghasilkan sesuatu yang begitu tinggi nilainya ini beliau tidak pernah lupa untuk berwuduk dan bersolat 2 rakaat sebelum menulis sebarang hadith ke dalam Musnadnya serta beramal dengannya dengan keyakinan. Perbuatan yang mulia ini diteruskan pula oleh al-Bukhari iaitu anak muridnya sendiri.

METODOLOGI PENYUSUNAN

Menyusun tajuk mengikut nama perawi:

Imam Ahmad telah menghimpunkan seramai 108 sahabat di dalam kitabnya. Setiap seorang diberikan satu bab dan bahagian yang khusus. Tujuan beliau menggunakan kaedah penyusunan seperti ini adalah untuk memudahkan proses pencarian dan pemilihan hadith yang diriwayatkan oleh setiap orang sahabat tadi, iaitu melalui sanadnya. Proses pengulangan hadith, sama ada melibatkan sanad atau matan atau kedua-duanya sekali adalah sangat kerap dilakukannya sehingga meliputi $\frac{1}{4}$ jumlah keseluruhan hadith.

Penggunaan perkataan "Musnad" dan "Hadith" pada tajuk bab:

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa Imam Ahmad telah menyusun hadith-hadith di dalam Musnadnya berdasarkan nama-nama sahabat, oleh itu perkataan "Musnad" dan "Hadith" digunakan sebagai tajuk bab. Metode yang digunakan oleh beliau dapat dilihat sebagaimana berikut:

a) Sekiranya sahabat yang terlibat hanyalah seorang, perkataan yang digunakan adalah seperti "Musnad Abu Bakar", "Musnad Umar", "Hadith Abdul Rahman bin 'Auf" dan "Hadith Abu 'Ubaidah".

b) Sekiranya ia melibatkan bilangan sahabat yang ramai, perkataan yang digunakan adalah "Musnad Ahl al-Bayt?", "Musnad al-Madaniyyin" dan sebagainya. Manakala untuk pecahan kecil di bawahnya, barulah digunakan perkataan "Hadith". Ia adalah seperti "Hadith Hasan", "Hadith Husayn", "Hadith Thabit bin 'Abd Allah al-Ansari" dan seterusnya.

Penyusunan nama-nama sahabat secara sistematik:

Urutan nama-nama sahabat tersebut berdasarkan siapa yang lebih dahulu memeluk Islam iaitu antara yang dijanjikan syurga, kemudian berdasarkan nama keluarga dan kemudiannya berdasarkan kepada tempat tinggal pula. Perincian kepada metode urutan nama sahabat yang dilakukan oleh Imam Ahmad ini dapat dilihat sebagaimana berikut:

1. Nama-nama sahabat yang dijanjikan syurga.
2. Musnad Ahl al-Bayt.
3. Musnad Bani Hasyim: antaranya adalah 'Abd Allah bin 'Abbas.

4. Musnad Ibn Mas'ud.
5. Musnad Ibn Umar.
6. Musnad Ibn Amru.
7. Musnad Abi Ragmah.
8. Musnad Abi Hurayrah.
9. Musnad Abi Said al-Khudri.
10. Musnad Anas bin Malik.
11. Musnad Jabir bin, Abd Allah.
12. Musnad al-Makkiyyin.
13. Musnad al-Madaniyyin.
14. Musnad al-Syamiyyin.
15. Musnad al-Kufiyyin.
16. Musnad al-Basriyyin.
17. Musnad Ummahat al-Mukminin.
18. Ahadith al-Nisa dan sebahagian daripada perawi perempuan yang tidak dikenali nama mereka.

Syarat-Syarat Pemilihan Hadith

Dalam pemilihan hadith, Imam Ahmad amat menekankan dari segi pengambilan riwayat daripada perawi yang jelas kebenaran dan ketinggian agamanya. Sesiapa yang dikenali sebagai seorang yang pembohong atau pegangan agama yang longgar, sama sekali tidak akan diambil hadith daripadanya. Beliau juga dikatakan sangat cermat terhadap matan-matan hadithnya, sebagaimana beliau cermat terhadap perawi-perawinya.

Hadith di dalam Musnad ini berkisar di antara sahih, hasan dan daif. Terdapat hadith-hadith sahih yang telah ditakhrij oleh pengarang al-Kutub al-Sittah dan ada juga yang tidak diriwayatkan oleh mereka. Ada pula yang hasan dan daif pula boleh dijadikan hujah. Imam al-Suyuti pernah berkata: "Semua hadith dalam Musnad Ahmad adalah magbul kerana hadith daif yang ada di dalamnya hampir kepada kualiti hasan."

RUJUKAN :

1. Dr Rosmawati Ali @ Mat zain, Pengantan Ulum Hadith dan Sunnah Sittah, Pustaka Salam.
2. Dr. Faisal Ahmad Shah, Dr. Khafidz Soroni & Dr. Rosni Wazir, Metode & Pendekatan Sarjana Hadith, Jabatan Al-Quran da Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
3. Dr. Joni Tamkin & Dr. Che Zarina Shaari, Ulum Al-Hadith Tingkatan 6, Cahaya Pantai Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
4. Dr. Mahmud Tahhan, Ilmu Hadits Praktis, Pustaka Thariqul Izzah.
5. Dr. Shayuthy bin Abdul Manas, Asas Kenali Hadis, Malaha Press.
6. Dr. Syed Abdul Majid Ghouri, Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith, Darul Syakir.
7. Irsyad Al-Hadith, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.